



**MOHD. FOAD
SAKDAN**

DALAM Amanat Naib Canselor pada 30 Januari 2024, saya menyebut hasrat Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi *Top Business School* dengan sasaran yang ditetapkan menjadi nombor satu di Malaysia, 20 terbaik di Asia dan 200 terbaik di *Quacquarelli Symonds (QS) World Master of Business Administration (MBA) Ranking*.

Sesungguhnya, penjenamaan UUM sebagai universiti perniagaan terbaik sangat berkaitan dengan niat negara menubuhkan universiti ini pada 16 Februari 1984. Sejak penubuhannya, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh UUM dalam mencapai matlamat ini.

Pada tahun 2024, UUM berjaya menduduki ranking 151-200 bagi QS Global MBA Rankings. Dalam masa yang sama, program MBA UUM diiktiraf sebagai terbaik di kalangan universiti awam Malaysia. Bagi ranking universiti perniagaan, subjek Perakaunan dan Kewangan diiktiraf dalam kelompok 200 terbaik dunia oleh QS World University Rankings dan The Times Higher Education (THE) World University Rankings. Sementara itu, subjek Perniagaan dan Ekonomi diiktiraf dalam kelompok 200 terbaik dunia oleh THE World University Rankings dan 250 terbaik dunia oleh QS World University Rankings.

Selain kedudukan cemerlang dalam penarafan antarabangsa, UUM turut berjaya memperoleh beberapa kreditas bertaraf dunia. Ini termasuk AACSB Accreditation, satu pencapaian yang hanya dimiliki oleh kurang daripada lima peratus sekolah perniagaan di dunia. Sementara itu, Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) telah menerima akreditasi AMBA bagi program MBA dan MBM, sekali gus membuktikan kualiti akademik yang diiktiraf secara global.

Dalam usaha meningkatkan relevansi pendidikan UUM dengan keperluan industri, universiti ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik, termasuk penubuhan program Industri di Kampus (IoC) dan pelaksanaan program pemindahan ilmu dengan rakan industri. Kepercayaan industri terhadap



UUM berhasrat untuk bukan sahaja merealisasikan kedudukan sebagai universiti perniagaan terbaik, tetapi juga menjadi model institusi pendidikan tinggi yang unggul dan inovatif di Malaysia.

UUM: Ke arah universiti perniagaan terbaik di Malaysia

kecemerlangan UUM turut terbukti melalui sumbangan yang semakin meningkat dari pelbagai pihak industri.

Sebagai institusi yang komited dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing, UUM mencatat 9.2 peratus gaji premium graduan (berpendapatan melebihi RM4,000), mengatasi sasaran asal enam peratus pada tahun 2024. Selain itu, program latihan dan kemahiran tambahan seperti *micro-credential* dan *executive certificates* memastikan graduan UUM mempunyai kelebihan kompetitif dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

Pencapaian ini sudah sangat membanggakan, namun UUM tidak boleh berpuas hati dengannya semata-mata. Masih banyak

“Program latihan dan kemahiran tambahan seperti *micro-credential* dan *executive certificates* memastikan graduan UUM mempunyai kelebihan kompetitif dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar.”

usaha perlu dilakukan bagi merealisasikan UUM sebagai universiti perniagaan terbaik di negara ini.

Bagi meneruskan pencapaian tersebut serta mengekalkan ranking pada tahun 2025, beberapa inisiatif strategik telah dirancang. Antaranya adalah penantapan struktur, kemudahan pemasaran dan menambah bilangan peminat OYAGSB.

Pertama ialah peningkatan kualiti akademik dan penyelidikan. UUM antara lainnya akan memperluas bilangan pensyarah bertaraf antarabangsa di OYAGSB dan UUM College of Business (COB) serta mempercepat usaha mendapatkan EQUIS Accreditation seterusnya mengukuhkan lagi kredibiliti antarabangsa UUM.

Untuk melahirkan graduan celik kecerdasan buatan (AI), kita sedang memperkembangkan kursus AI sebagai subjek wajib untuk semua pelajar UUM. Ini boleh diimplementasikan melalui kursus bersifat umum seperti pengenalan kepada AI untuk semua disiplin, yang fokus kepada pengenalan AI secara asas dan kesan serta aplikasi AI dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, undang-undang, pendidikan dan kesihatan.

Inisiatif strategik lain ialah Dasar Pengantarabangsaan. Pada tahun ini, kita akan terus memperkukuh kerjasama antarabangsa dan memperluaskan pencapaian akreditasi bertaraf dunia, agar graduan kita memiliki kelebihan kompetitif serta nilai tambah yang diiktiraf di

peringkat global.

UUM menyasarkan tambahan lebih ramai lagi pelajar antarabangsa dari pelbagai negara pada tahun 2025 dengan pelbagai pendekatan model terkini akan diaplikasikan bagi sebagai daya tarikan pelajar antarabangsa untuk ke UUM.

Seterusnya ialah pengukuhan jaringan industri dan keusahawanan dengan antara lainnya meningkatkan penglibatan pelajar dalam perniagaan kampus. Pada tahun lalu, seramai 4,978 pelajar UUM telah mendaftar dan menjalankan perniagaan di dalam kampus. UUM juga akan memperkenalkan lebih banyak program *Internship+* yang menghubungkan pelajar dengan syarikat global.

Inisiatif strategik seterusnya ialah memperkenalkan transformasi digital dan kampus pintar dengan meningkatkan kapasiti infrastruktur dengan pelaburan RM132.2 juta dalam RP5 2025 serta melaksanakan *Smart Campus Roadmap* yang akan menjadikan UUM kampus pintar sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Selain kecemerlangan dalam bidang perniagaan, UUM juga unggul dalam aspek lain seperti dari sudut ranking universiti yang kukuh. UUM menduduki tangga ke-554 terbaik dunia dalam QS World University Rankings 2024. UUM juga diiktiraf sebagai universiti awam terbaik di Malaysia dalam kategori bawah usia 50 tahun oleh THE World University Rankings.

UUM akan terus memperkukuh peranannya dalam membangunkan bakat pengurusan dan perniagaan yang kompetitif di peringkat global. Dengan strategi berteraskan dalam peningkatan akademik, penyelidikan, jaringan industri dan digitalisasi, UUM berhasrat untuk bukan sahaja merealisasikan kedudukan sebagai universiti perniagaan terbaik, tetapi juga menjadi model institusi pendidikan tinggi yang unggul dan inovatif di Malaysia.

Usaha UUM ini adalah seiring dengan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah arahan Perutusan Tahun Bahaaru 2025 pada 9 Januari lalu, Dr. Zambry mengumumkan tujuh Fokus Utama KPT yang akan dijayakan melalui pelaksanaan 20 program signature, antaranya ialah pemerikasaan (IoC).

PROFESOR Datuk Dr. Mohd. Foad Sakdan adalah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).